



## KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Faks: 03-8889 5542

Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : NIH.800-3/2/3 Jld.4 (63)

Tarikh : 31 Januari 2022

### SEPERTI SENARAI EDARAN

*YBhg Dato' Indera/ Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 4 /2022**

**GARIS PANDUAN PENYELIDIKAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**BERTAJUK “NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH) GUIDELINES FOR CONDUCTING RESEARCH IN MINISTRY OF HEALTH (MOH) INSTITUTIONS & FACILITIES, 3<sup>RD</sup> EDITION, 2021”**

#### 1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kemaskini garis panduan Institut Kesihatan Negara (NIH) berkaitan tatacara menjalankan penyelidikan di institusi dan fasiliti di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Garis panduan yang bertajuk “**NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH) GUIDELINES FOR CONDUCTING RESEARCH IN MINISTRY OF HEALTH (MOH) INSTITUTIONS & FACILITIES, 3<sup>RD</sup> EDITION, 2021**” menggabungkan garis panduan sedia ada berkaitan tatacara penjalankan penyelidikan bermula daripada pendaftaran penyelidikan, kelulusan etika, permohonan geran penyelidikan sehingga ke sebaran hasil saintifik secara lebih komprehensif dan sistematis.

#### 2. ASPEK PENTING GARIS PANDUAN

Berikut adalah aspek – aspek penting di dalam garis panduan ini:

**2.1 Pendaftaran penyelidikan di *National Medical Research Register* (NMRR).**

Semua penyelidikan yang dijalankan oleh warga KKM atau dilaksanakan di institusi / fasiliti KKM atau menggunakan data/pesakit/sampel/personel KKM sebagai subjek atau menggunakan geran penyelidikan KKM hendaklah didaftarkan dengan NMRR sebelum penyelidikan dijalankan.

**2.2 Penilaian saintifik dan kelulusan etika.**

Penyelidikan yang melibatkan KKM (terutamanya penyelidikan melibatkan manusia) perlu menjalani proses penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Penyelidikan (JPP) dan seterusnya penilaian serta kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan dan Perubatan (JEPP), KKM.

**2.3 Permohonan geran penyelidikan.**

Permohonan geran penyelidikan adalah terbuka kepada warga penyelidik KKM sahaja. Permohonan geran hendaklah melalui proses penilaian dan sokongan daripada Jawatankuasa Penilaian Penyelidikan - NIH (JPP-NIH), kelulusan etika daripada JEPP, KKM dan dimuktamadkan kelulusan agihan oleh Panel Penilaian Geran Penyelidikan, KKM. Tatacara perolehan adalah tertakluk kepada garis panduan dan peraturan kewangan sedia ada yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

**2.4 Sebaran (pembentangan & penerbitan) saintifik.**

Hasil sebaran saintifik seperti abstrak, poster, laporan penyelidikan, jurnal dan lain-lain yang dihasilkan oleh penyelidik KKM atau menggunakan data pesakit/ sampel/personel KKM sebagai subjek atau dibiayai oleh geran penyelidikan KKM perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan sebelum diterbitkan atau dibentangkan.

Bersama-sama dengan Surat Pekeliling ini, disertakan Garis Panduan "National Institutes of Health (NIH) Guidelines for Conducting Research in Ministry of Health (MOH) Institutions & Facilities, 3rd Edition, 2021". Garis panduan ini juga boleh dimuat turun daripada laman sesawang [www.nih.gov.my](http://www.nih.gov.my) / [www.nmrr.gov.my](http://www.nmrr.gov.my).

### 3. TARIKH PERLAKSANAAN

Surat pekeliling dengan garis panduan ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Surat pekeliling berkaitan terdahulu adalah dengan sendirinya terbatal.

### 4. PERTANYAAN

Dr Asyraf Syahmi Mohd Noor  
Ketua Unit Registri Penyelidikan & Koordinasi Data,  
Sektor Etika & Pengawasan Penyelidikan,  
Pejabat Pengurus NIH,  
Institut Kesihatan Negara (NIH)  
Tel: 03-3362 8403 Email: [asyraf.nih@moh.gov.my](mailto:asyraf.nih@moh.gov.my)


Puan Nurul Syarbani Eliana Musa  
Unit Pengurusan Penyelidikan & Dana Penyelidikan,  
Pejabat Pengurus NIH,  
Institut Kesihatan Negara (NIH)  
Tel: 03-3362 8316 Email: [eliana@moh.gov.my](mailto:eliana@moh.gov.my)

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

*Saya yang menjalankan amanah,*

  
(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)